
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

**HKB 503– SEMINAR SILANG BUDAYA KESUSASTERAAN
ASIA TENGGARA**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan lagi daripada Bahagian B.

- 2 -

Bahagian A

1. Apakah yang anda fahami tentang arketaip? Seterusnya, berdasarkan contoh-contoh karya utama yang terdapat di Asia Tenggara, bincangkan persamaan dan perbezaan arketaip bagi masyarakat pelbagai etnik di Asia Tenggara serta kepentingannya dalam konteks kajian silang budaya.

[100 markah]

2. Dalam *Ensera Ayor*, tradisi “ngayau” menjadi salah satu ciri utama kepahlawanan wira yang mendapat sanjungan dalam kalangan masyarakat Iban. Kemukakan secara kritis faktor-faktor kewujudan tradisi tersebut dan bandingkannya dengan ciri-ciri kepahlawanan yang wujud dalam *Hikayat Hang Tuah* dan *La Galigo*.

[100 markah]

3. Sejarah persuratan Asia Tenggara banyak memerikan semangat etnosentrisme masyarakat peribumi dalam menentang pencerobohan kuasa Barat. Berdasarkan *Babad Tanah Jawa* dan sebuah karya yang lain, bahaskan bagaimana semangat etnosentrisme tersebut telah membawa kejayaan dan kegagalan kepada perjuangan anak peribumi dalam menentang pencerobohan kuasa Barat pada masa lalu.

[100 markah]

Bahagian B

4. Wacana kolonial adalah alat kuasa penjajah untuk menguatkan pengaruh mereka di tanah jajahan. Hegemoni Barat diperbesarkan dan mereka yang dijajah diperlekehkan daripada semua segi (Sohaimi, 2014).

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan pertembungan pemikiran golongan tua dan golongan muda serta kesannya terhadap jati diri Salmah dalam novel *Lakah Salmah* karya Ahmad Rashid Talu dan Hanafi dalam novel *Salah Asuhan* karya Abdul Moeis.

[100 markah]

5. Huraikan perbezaan budaya dan kepercayaan masyarakat Murut di Sarawak dan masyarakat Dayak di Sabah tentang aktiviti pemenggalan kepala seperti yang terdapat dalam novel *Ngayau* (1979) dan *Mariga* (2012) karya Amil Jaya.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

6. Bandingkan puisi "Melayu Baru" oleh Muhammad Haji Salleh dan "Sajak Pulau Bali" oleh W. S. Rendra dalam mencitrakan budaya setempat selepas kemerdekaan. Sokong hujah anda dengan isu-isu semasa yang mengganggu budaya dalam puisi tersebut.

[100 markah]

- oooOooo -